

UUM ONLINE: Dalam usaha Universiti Utara Malaysia (UUM) menuju ke arah Universiti Penyelidikan pada 2013 yang memfokus dalam bidang sains dan sosial, Unit Perancangan Korporat (UPK) ditubuhkan bertujuan membantu universiti merancang dan merencana strategi menggunakan data setempat yang dikawal selia, dan menyediakan data yang diperlukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan universiti.

Nur Hani Zulkifli Abai yang menjalankan tugas sebagai Penyelaras UPK berkata, empat bidang tugas utama unit ini ialah mengumpul dan menganalisis data, pengurusan pemantauan pencapaian universiti, pembangunan sistem dan pengumpulan bahan bukti.

Beliau berkata, unit ini berperanan membantu pelaksana terdiri daripada beberapa Pusat Tanggungjawab dari segi membekalkan data untuk mengukur tahap pencapaian pelaksana berkenaan sebagai tugas utama dalam aspek Pengurusan Pemantauan Pencapaian Universiti.

"Kita juga turut mengadakan kerjasama dengan pihak pelaksana yang terdiri dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) dan lain-lain dalam memantau pencapaian universiti," katanya.

Tambah beliau, dari aspek pengumpulan dan analisis data, UPK berperanan dalam mengumpul semua data dari pangkalan data dan menganalisis data-data yang diperolehi mengikut keperluan pemantauan pencapaian universiti.

"Selain dari mengurus pemantauan pencapaian universiti dan pengumpulan serta menganalisis data, bidang tugas unit ini juga merangkumi pembangunan sistem di mana, kita akan bekerjasama dengan Pusat Komputer UUM dalam membangunkan sistem yang bersepadu," jelasnya.

Menurutnya lagi, UPK juga berperanan dalam pengumpulan bahan bukti yang terdiri dari dokumen-dokumen penting universiti sama ada lesen, dokumen berkaitan kakitangan akademik, pelajar dan maklumat-maklumat lain.

"Contoh sistem yang dibina dan digunakan dalam membantu pihak pengurusan universiti mendapatkan maklumat data terkini ialah Executive Information System (EXiS), manakala sistem e-strategik pula merupakan sistem yang dibangunkan untuk membantu menguruskan data dan bahan bukti pelan strategik universiti," katanya.

Nur Hani menegaskan semua pihak perlu bertanggungjawab mengemaskini data-data universiti setiap masa supaya data tersebut sentiasa terkini dan sahih.

"Hal ini penting bagi menjamin setiap data yang diperlukan adalah lengkap dan berkualiti, malah paling penting ialah memastikan peningkatan kualiti data dan apa yang dianalisa dari setiap data yang diperolehi adalah tepat," katanya.

Unit Perancangan Korporat ditubuhkan pada 31 Januari 2011 selepas kakitangan KM Portal diserap masuk bagi menubuhkan unit ini yang kini beroperasi di aras satu, Bangunan Canselor, Sebarang pertanyaan lanjut hubungi Pn Nur Hani Zulkifli Abai di talian 04-9286896/6897.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my